

08 JAN 2003

Ling-Jawatan/I

DR LING KEKALKAN JAWATAN PRESIDEN MCA HINGGA 2005

PUTRAJAYA, 8 Jan (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata beliau tidak berhasrat melepaskan jawatan parti sehingga tempoh perkhidmatannya tamat pada 2005 tetapi menyerahkan kepada pegeratif Perdana Menteri untuk memutuskan jawatan kabinet yang disandangnya kini.

Dr Ling juga berkata mesyuarat kabinet hari ini tidak membincangkan mengenai surat peletakan jawatan "tidak bertarikhnya" yang dikemukakan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tahun lepas.

"Tempoh perkhidmatan saya sehingga 2005. Saya belum memikirkan mengenai tempoh yang lain setakat ini," katanya kepada pemberita di Kementerian Pengangkutan di sini hari ini.

Dr Ling berkata demikian ketika ditanya mengenai jawatan parti yang disandangnya sejak 1986, selepas beliau meletakkan jawatan kabinet.

Semalam, Dr Ling membuat kejutan, kali kedua sejak 2000, bahawa beliau sudah menghantar surat peletakan jawatan "tanpa tarikh) sebagai Menteri Pengangkutan kepada Dr Mahathir pada Mei tahun lepas.

Beliau berkata Dr Mahathir telah memaklumkan mengenai surat itu pada mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional (BN) semalam dan kini terserahlah kepada Perdana Menteri untuk memutuskan tarikh kuatkuasa peletakan jawatan itu.

Dr Ling juga berkata beliau telah melaksanakan agendanya memberi perkhidmatan kepada negara sejak memegang jawatan kabinet pada 1976.

Ditanya mengapa beliau tidak terus memegang jawatan kabinet itu sehingga 2005, Dr Ling berkata beliau tidak perlu menunggu sehingga 2005 bagi memutuskan untuk meletak jawatan.

Beliau sebelum itu mahu melepaskan jawatan kabinet, tetapi tidak berjaya.

Dr Ling juga diminta mengulas laporan sebuah akhbar harian Cina hari ini bahawa Dr Mahathir mengumumkan surat peletakan jawatan itu kepada Majlis Tertinggi BN berikutan pertanyaan daripada Datuk Lim Ah Lek yang mendengar desas desus Dr Ling meletakkan jawatan.

"Tidak, Lim duduk jauh dan beliau tidak pun bertanya apa-apa semasa mesyuarat itu," kata Dr Ling.

-- BERNAMA

AT MFZ LAT